

# PM mula lawatan rasmi ke Kemboja

Kunjungan atas jemputan rakan sejawat kukuh kerjasama dua hala

**Phnom Penh:** Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, tiba di Kemboja semalam, untuk lawatan rasmi dua hari bagi mengukuhkan hubungan dua hala yang terjalin selama 65 tahun, selain perdagangan dan peluang pelaburan serta pergerakan rakyat antara kedua-dua negara.

Lawatan beliau ke Kemboja adalah atas jemputan rakan sejawat, Perdana Menteri Samdech Techo Hun Sen.

Ketibaan Ismail Sabri di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh pada jam 5.20 petang waktu Malaysia disambut

Menteri Kanan Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Othman Hassan, yang mewakili Kerajaan Kemboja.

Othman adalah menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal masyarakat Islam di Kemboja.

Perdana Menteri diiringi Menteri Luar, Datuk Seri Saifuddin Abdullah; Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Pengerusi Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Datuk Seri Mohd Salim Mohd Sharif dan pegawai kanan kerajaan.

Ismail Sabri turut menghadiri majlis makan malam bersama Keluarga Malaysia di Kemboja, malam tadi.

Beliau akan memulakan lawatan rasminya hari ini dengan melawat tugu peringatan kemerdekaan dan meletakkan kalungan bunga, diikuti satu lagi upacara



Ismail Sabri tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh bagi mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Kemboja, semalam. (Foto BERNAMA)

meletak kalungan bunga di Monumen Preah Borom Ratanak Kaudh yang didirikan untuk memperingati mendiang Raja Norodom Sihanouk di kawasan sama.

Ismail Sabri akan diberikan sambutan rasmi dengan lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, diikuti dengan acara lintas hormat diiringi Hun Sen di Peace Palace Phnom Penh.

Kedua-dua pemimpin akan mengadakan pertemuan empat mata untuk membincangkan hubungan dua hala, isu serantau selain kerjasama di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri juga dijadualkan menghadiri majlis mengadap Raja Kemboja, Baginda Norodom Sihamoni, di Istana Negara sebelum berlepas ke Bangkok, Thailand.

Malaysia adalah pelabur ketiga terbesar di Kemboja dengan Pelaburan Langsung Asing bernilai AS\$3.53 billion (AS\$1 = RM4.18) antara 1994 hingga 2020, di belakang China dan Korea Selatan.

Pelaburan Malaysia kebanyakannya dalam sektor perbankan, telekomunikasi, penjaan kuasa dan hiburan.

Antara syarikat Malaysia yang beroperasi di sini ialah Ma-

ybank, CIMB Bank, Public Bank, Hong Leong Bank, Smart Axiata, Muhibbah Engineering, Sunway International, Nagaworld dan Leader.

Seramai kira-kira 5,000 rakyat Malaysia menetap di Kemboja dan 2,000 daripadanya berada di ibu kota Phnom Penh.

Kemboja adalah tuan rumah bagi ASEAN 2022 dan negara keempat dilawati Ismail Sabri sejak mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Kesembilan pada 21 Ogos tahun lalu.

Sebelum ini, Ismail Sabri melawat Indonesia, Singapura dan Brunei. BERNAMA